

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8204**

**SOALAN:**

**Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang patut diambil bagi menangani keselamatan negara bagi mengelak tercetusnya isu pergaduhan antara kaum dan untuk membendung aktiviti-aktiviti keganasan yang boleh menjaskan keamanan negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius terhadap sebarang tindakan oleh golongan pelampau yang cuba membawa sentimen negatif yang boleh menjaskan sensitiviti di antara kaum dan agama di negara ini. Ini berikutan Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama.**

**Sensitiviti kesemua elemen ini perlu dipelihara untuk memastikan rakyat boleh terus hidup dalam suasana harmoni, rukun dan damai di dalam negara ini. Sebarang sentimen yang menyentuh isu perkauman dan keagamaan akan ditangani oleh Kerajaan secara berhemah bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini daripada berlaku sehingga menjaskan keamanan negara.**

**Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengelakkan isu perkauman ini berdasarkan tiga (3) pendekatan utama iaitu:**

- i. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan pendidikan melalui ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk

**menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama;**

- ii. menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO dan pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak agar saling menghormati di antara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan**
- iii. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan.**

Bagi menjawab soalan berkaitan dengan tindakan Kerajaan di dalam membendung aktiviti-aktiviti keganasan pula, Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis akan membuat pemantauan rapi dan menjelaki mereka yang disyaki terlibat dengan aktiviti kumpulan pengganas tersebut.

**Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara.**

**Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan Advanced Passenger Screening System (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.**

**Pada masa yang sama, Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.**

**Kerajaan juga telahpun menggubal Akta Pencegahan Keganasan 2015 atau pun POTA disamping memperkasakan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012 dan Akta Pencegahan**

**Jenayah 1959. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat juga, Akta Pencegahan Keganasan 2015 ini telah dikuatkuasakan pada 1 September 2015 yang lalu. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada tangkapan dilakukan ke atas mereka yang melakukan kesalahan keganasan selepas tarikh pewartaan tersebut.**

**Seiring dengan penguatkuasaan Akta Pencegahan Keganasan 2015 ini, Kementerian Dalam Negeri bersama-sama PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang lain telah menggubal Modul Pemulihan khusus bagi meneutralisasikan mana-mana individu yang ditahan kerana terlibat dengan aktiviti keganasan. Harapan Kerajaan adalah untuk mengembalikan mereka semula ke pangkuhan masyarakat.**